

# Giliran KM: Sabah belum bincang

UM 10 SEP 2008

**K**OTA KINABALU 9 Sept. — Barisan Nasional (BN) Sabah masih belum membuat keputusan mengenai mekanisme yang akan digunakan untuk menentukan sama ada mahu mengekalkan sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri atau sebaliknya, kata Pengerusinya, Datuk Musa Aman.

"Kita ucap terima kasih dan menghargai pandangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

"Bagaimanapun kita belum bincang mengenainya dan mungkin akan bincang bila tiba masanya," katanya yang juga Ketua Menteri Sabah.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas merasmikan Tilawah Al-Quran Persatuan Anak-Anak Yatim Malaysia (Peyatim) di Wisma Muis di sini, hari ini.

Musa diminta mengulas mengenai kenyataan Dr. Mahathir semalam yang menyerahkan kepada rakyat Sabah untuk menentukan sama ada mahu mengekalkan sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri atau sebaliknya.

Perdana Menteri berkata, ia bergantung kepada rakyat Sabah apa yang mereka mahu dan kerajaan BN akan mendengar pandangan serta mengambil kira perasaan mereka.

"Sekiranya mereka (rakyat Sabah) mahu meneruskannya dengan sistem itu, kita akan teruskan dan jika mereka tidak gembira sudah tentu kita akan menukar fikiran," katanya yang juga Pengerusi BN Pusat.

Sejak BN memperkenalkan sistem penggiliran pada 1994, jawatan Ketua Menteri itu sudah dipegang oleh tujuh orang yang mewakili semua parti komponen BN di Sabah.

Sistem itu memberi kuota dua penggal kepada bumiputera Islam dan masing-masing satu penggal kepada bumiputera bukan Islam dan kaum Cina secara bergilir-gilir.

Jawatan Ketua Menteri pertama disandang oleh Tun Sakaran Dandai diikuti oleh Datuk Seri Salleh Said, Datuk Yong Teck Lee, Tan Sri Bernard Dompok, Datuk Osu Sukam, Datuk Chong Kah Kiat dan pada masa ini ialah Datuk Musa Aman.

Mengenai penggubalan undang-undang buruh di Sabah yang masih tergendala, Musa berkata, beliau akan membawa perkara itu untuk dibincangkan dalam mesyuarat Kabinet esok.

"Apa yang penting ialah kepentingan pekerja terpelihara, kita akan ambil berat tentang kebijakan pekerja kita," jelasnya.